



**SBAM** | 2023  
K E D A H

## PEMAKLUMAN

**27 JULAI 2023**

### **PERUBAHAN PENGINAPAN, VENUE SERTA TARIKH PERTANDINGAN**

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera Tuan/Puan,

Adalah dimaklumkan bahawa terdapat perubahan lokasi penginapan, venue pertandingan acara Dart dan Karom serta tarikh bagi acara Sepak Takraw pada kejohanan Sukan Bekalan Air Se-Malaysia Kedah 2023.

Perubahan-perubahan ini merupakan arahan rasmi daripada Pusat Penginapan Pelajar (SAC), Universiti Utara Malaysia rujukan surat (UUM/HEP/SAC/P-65-5) bertarikh 18 Julai 2023 yang memberi laluan kepada program Istiadat Pentauliah Diraja Pegawai Kadet PALAPES Universiti Awam Ke-41 Tahun 2023. Istiadat yang akan disempurnakan oleh KDYMM Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong dijadualkan berlangsung pada 21 Ogos hingga 9 September 2023 yang melibatkan 20 buah Universiti Awam seluruh Malaysia.

Lokasi asal penginapan di INASIS Yayasan Al Bukhari dan INASIS Muamalat terpaksa dipinda ke lokasi baharu iaitu INASIS MAS, INASIS Proton dan INASIS TNB.

Selain itu, venue asal bagi acara Dart di Dewan Mawar akan ditukar ke Kompleks Budaya Hashim Yasin manakala bagi acara Karom di Dewan YAB akan ditukar ke Dewan SAC.

Akhir sekali, terdapat perubahan bagi tarikh acara sukan Sepak Takraw. Acara tersebut yang dijadualkan berlangsung selama tiga (3) hari bermula pada 24 Ogos hingga 26 Ogos 2023 akan disingkatkan kepada dua (2) hari sahaja iaitu pada 24 Ogos hingga 25 Ogos 2023.

Segala kesulitan amat dikesali.

Sekian, terima kasih.

**SEKRETARIAT SBAM, KEDAH 2023**